

KONVOKESYEN INSANIAH DAPAT PERHATIAN ADUN-ADUN PAS

ALOR SETAR: Sultan Kedah telah berkenan menyampaikan ijazah kepada 146 pelajar Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah), dalam Konvokesyen atau Haflatuttakharruj Insaniah kali 3 yang berlangsung di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, dekat sini.

Dalam konvo itu, seramai 100 pelajar Kuliah Bahasa Arab, Kuliah Syariah dan Usuludin menerima diploma dan 46 lagi menerima Ijazah Sarjana Muda daripada Sultan Kedah.

Pelajar Kuliah Bahasa Arab, Siti Khadijah Mappeneding, 21, dari Tawau, Sabah telah menerima Anugerah Khas Sultan Kedah kerana cemerlang dalam akademik.

Sementara itu, telahan masyarakat bahawa pemimpin Umno kurang memberikan rangsangan kepada program berbentuk agama telah jelas terbukti dalam Majlis Konvokesyen baru-baru ini.

Mereka yang ditemui berkata, daripada ramai Adun Umno hanya lima orang sahaja yang hadir itupun jika

diamondkira Menteri Besar, Exco Agama dan Exco Pendidikan yang mesti hadir.

Di kalangan wakil rakyat PAS pula, seramai sembilan telah meluangkan masa untuk sama-sama meraikan kejayaan 146 pelajar yang menamatkan pengajian di institut itu.

Ketika diminta mengulas isu itu, Setiausaha Dewan Ulama' yang juga Adun Bukit Lada, Ustaz Ismail Kamis berkata, sepatutnya pemimpin Umno mesti mengutamakan majlis itu kerana ianya merupakan sokongan moral kepada para siswa-siswi yang bakal mendidik anak-anak bangsa kelak.

"Tetapi itu yang berlakunya di mana mereka lebih mengutamakan program lain dari yang bercorak agama kerana memang dasar mereka tidak meletakkan agama sebagai dasar perjuangan mereka," tegasnya.

Beliau juga menyebutkan, terdapat wakil dari Universiti Khortoum, Sudan yang jauh turut hadir dalam majlis itu meraikan pelajar Insaniah tetapi malangnya wakil rakyat kerajaan yang dekat tidak dapat hadir.